



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TINDAKAN PUNITIF: KOMPAUN RM100,000 TERHADAP RAPID RAIL SDN. BHD. ATAS PELANGGARAN AKTA 715

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui Kementerian Pengangkutan memutuskan untuk mengenakan tindakan kompaun sebanyak RM100,000 terhadap Rapid Rail Sdn. Bhd. (RRSB) atas kesalahan di bawah Seksyen 101(7)(e) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Tindakan punitif ini dikenakan susulan insiden pada 12 Disember 2024 kira-kira jam 3.36 pagi di Depoh Subang, milik RRSB, apabila sebuah jentera *shunting* yang dikendalikan RRSB gagal berfungsi dengan sempurna akibat ketidakpatuhan kepada garis panduan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh pihak Original Equipment Manufacturer (OEM). Kegagalan sistem brek jentera berkenaan telah menyebabkan pelanggaran dengan jentera Speeder 3.

Kemalangan tersebut mengakibatkan satu (1) kematian dan tiga (3) kecederaan kepada kakitangan RRSB selain kerosakan serius terhadap Jentera Grinder, Speeder 3 dan Shunting dengan anggaran kerugian berjumlah RM574,550.00.

Siasatan mendapati RRSB selaku pengendali berlesen telah gagal memastikan jajaran dan jentera kereta api berada dalam keadaan selamat untuk pengoperasian, sekali gus melakukan kesalahan di bawah Seksyen 101(7)(e) Akta 715.

Di bawah Seksyen 101(10) Akta yang sama, jika disabitkan, pihak yang bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan sehingga tiga (3) tahun atau kedua-duanya.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

APAD menegaskan bahawa keselamatan operasi pengangkutan awam darat merupakan keutamaan tertinggi dan tidak boleh dikompromi dalam apa jua keadaan. Tindakan penguatkuasaan ini bukan sahaja sebagai langkah pematuhan undang-undang, malah sebagai peringatan tegas kepada semua pengendali perkhidmatan rel agar sentiasa memastikan penyelenggaraan dilaksanakan mengikut piawaian teknikal yang ditetapkan serta latihan mencukupi diberikan kepada kakitangan yang terlibat.

Keputusan untuk mengekalkan kompaun ini juga mengambil kira kepentingan awam dan prinsip akauntabiliti dalam memastikan integriti sistem pengangkutan rel negara terus terpelihara.

APAD akan terus komited untuk memperkukuhkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan setiap pengendali mematuhi sepenuhnya keperluan perundangan, keperluan operasi dan standard keselamatan yang telah ditetapkan.

##TAMAT##

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

27 Februari 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2602 5060 (Talian Umum)

+603 2603 6690 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my